

**POLISI PRIVASI**  
**KENANGA INVESTORS BERHAD**

Polisi Privasi memerihalkan data dan maklumat peribadi Pelanggan yang dikumpulkan oleh Kenanga Investors Berhad (“KIB”), bagaimana Data Pelanggan tersebut digunakan, peranan KIB untuk melindungi privasi Data Pelanggan dan juga hak Pelanggan terhadap Data Pelanggan mereka sendiri. Apabila memohon untuk menggunakan atau untuk terus menggunakan Perkhidmatan KIB, Pelanggan adalah disifatkan sebagai telah bersetuju dengan terma Polisi Privasi ini. Istilah Pelanggan di mana-mana sahaja digunakan dalam Polisi Privasi ini hendaklah merujuk Pelanggan KIB dan juga bakal pelanggan atau orang yang memohon apa-apa perkhidmatan, akaun atau produk KIB.

Data dan maklumat peribadi pelanggan (“Data Pelanggan”) termasuklah yang berikut:

- (a) Maklumat yang diperoleh daripada Pelanggan atau pihak ketiga dan organisasi lain apabila Pelanggan memohon untuk membuka akaun atau memohon apa-apa produk atau perkhidmatan lain, menggunakan perkhidmatan dalam talian KIB, mengakses apa-apa laman sesawang KIB atau maklumat yang Pelanggan mungkin berikan kepada KIB pada bila-bila masa;
- (b) Maklumat yang diketahui atau diperoleh oleh KIB daripada cara Pelanggan menggunakan dan menguruskan Akaun(-akaun) Pelanggan, daripada urus niaga yang dibuat, jika ada, seperti tarikh, alamat, pertukaran wang dan nama serta jenis surat cara yang diurusniagakan, yang dimaksudkan oleh KIB apa-apa data tentang Pelanggan, yang diberikan oleh Pelanggan atau pihak ketiga kepada KIB;
- (c) Maklumat dan/atau dokumen yang diberikan bersama-sama dengan Borang Permohonan Membuka Akaun dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan Pelanggan, Akaun(-akaun) Pelanggan dan/atau penyelenggaraan Akaun Pelanggan, sama ada diberikan sebelum atau selepas tarikh Borang Permohonan Membuka Akaun, sama ada secara lisan atau bertulis, dan tanpa mengira cara bagaimana perkara itu diberikan; dan/atau
- (d) Apa-apa maklumat berhubung dengan urus niaga komersial yang:
  - (i) diproses keseluruhannya atau sebahagiannya melalui peralatan yang beroperasi secara automatik sebagai maklum balas terhadap arahan yang diberikan untuk tujuan itu;
  - (ii) dirakamkan dengan niat bahawa maklumat tersebut hendaklah secara keseluruhan dan secara sebahagiannya diproses melalui peralatan berkenaan; atau
  - (iii) dirakamkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa maklumat tersebut akan menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan

yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang Pelanggan, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau maklumat lain yang terdapat dalam pemilikan pengguna data, termasuklah apa-apa Data Peribadi Sensitif\* dan pernyataan pendapat tentang Pelanggan tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud perniagaan rujukan kredit yang dijalankan oleh agensi rujukan kredit di bawah Akta Agensi Rujukan Kredit 2010.

\*Data Peribadi Sensitif bermaksud apa-apa Data Peribadi yang terdiri daripada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan atau keadaan fizikal dan mental Subjek Data, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan yang seumpamanya, perbuatan jenayah atau tuduhan jenayah yang dilakukan olehnya terhadap apa-apa kesalahan atau apa-apa Data Peribadi lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri melalui arahan yang disiarkan dalam Warta tersebut.

#### **Pengumpulan Maklumat**

Untuk tujuan mengendalikan Akaun(-akaun) Pelanggan dan untuk mengurangkan risiko fraud, KIB, sebagai pengguna data boleh meminta Pelanggan bagi memberikan data peribadi tertentu\*\*. Apabila memohon untuk membuka apa-apa akaun atau menggunakan perkhidmatan atau produk KIB, Pelanggan dengan nyatanya memberi kebenaran dan bersetuju terhadap terma Polisi Privasi ini dan memberi kebenaran serta bersetuju bahawa KIB boleh memproses data peribadi menurut cara yang ditetapkan di dalam ini.

\*\*Untuk membuka dan mengendalikan Akaun atau menggunakan Perkhidmatan KIB (seperti yang ditakrifkan di bawah), Pelanggan hendaklah memberikan data peribadi tertentu kepada KIB. KIB akan mengumpulkan data jenis yang berikut termasuklah tetapi tidak terhad pada: nama, Nombor Kad Pengenalan dan Nombor Pasport, alamat pos, jantina, tarikh lahir, nombor telefon, alamat e-mel, umur, nombor akaun bank, pekerjaan, pendapatan tahunan, bangsa, alamat IP, maklumat kewangan dan perbankan seperti nombor akaun, jenis akaun, butiran surat cara berkaitan dengan akaun tersebut, butiran urusan pembayaran, butiran urusan komersial, penyata pelanggan, surat-menjurat Pelanggan, laporan keutamaan akaun, butiran pengenalan yang dikumpulkan sebagai sebahagian daripada usaha KIB untuk memeriksa Pelanggan melalui konsep “mengenali Pelanggan”.

Data peribadi sensitif boleh dikumpulkan dan disimpan oleh KIB untuk tujuan mengesan demografi pengguna bagi melihat trend selanjutnya dan analisis statistik atau untuk tujuan penyelidikan. Demografi dan statistik ini hendaklah sentiasa mewakili agregat maklumat dan hendaklah dalam bentuk yang tidak mengenal pasti Pelanggan secara khusus.

#### **Penyimpanan Maklumat**

KIB boleh menyimpan dan memproses Data Pelanggan dalam komputer KIB di mana-mana sahaja letaknya dalam apa-apa juga medium. Polisi Privasi ini mengawal penggunaan akaun(-akaun), produk, perkhidmatan dan apa-apa ciri, teknologi atau fungsi yang ditawarkan oleh KIB (secara bersesama “Perkhidmatan KIB”) (termasuklah, tidak terhad kepada, apa-apa maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada KIB berkaitan dengan Perkhidmatan KIB).

#### **Penggunaan dan Pendedahan Maklumat**

Maklumat yang dikumpulkan bertujuan untuk digunakan dalam perjalanan biasa urusan KIB termasuklah membekalkan Perkhidmatan KIB secara amnya, memasarkan Perkhidmatan KIB kepada Pelanggan berdasarkan kehendak Pelanggan dan membantu KIB memberikan perkhidmatan mengikut kehendak Pelanggan dan memberikan Perkhidmatan KIB yang mungkin disukai oleh Pelanggan. KIB boleh juga menggunakan Data Pelanggan (antara tujuan lain) untuk menguatkuasakan atau mempertahankan apa-apa hak KIB, untuk mematuhi

segala undang-undang dan peraturan yang terpakai, untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan KIB, untuk mencegah fraud atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, untuk menyediakan demografi yang berkaitan dengan penggunaan produk dan perkhidmatan KIB oleh pelanggan KIB dan juga untuk menawarkan produk dan perkhidmatan tambahan yang KIB fikirkan dapat memberikan manfaat kepada Pelanggan.

Data Pelanggan disimpan dalam cara yang membolehkannya dikenal pasti secara berasingan dan boleh digunakan oleh KIB dan K & N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies dan boleh juga diberikan kepada vendor, pembekal, ejen, kaunterpart atau penasihat KIB. Apabila penggunaan Data Pelanggan oleh KIB digunakan melibatkan pendedahannya kepada pihak ketiga (vendor, pembekal, ejen, kaunterpart atau penasihat KIB) untuk tujuan agar KIB dapat menawarkan perkhidmatan kepada Pelanggan dan/atau meningkatkan kualiti perkhidmatan KIB, KIB hendaklah berusaha sewajarnya untuk memastikan bahawa pihak ketiga itu mengetahui tentang sifat kerahsiaan data tersebut dan bahawa mereka terikat dengan tanggungjawab kerahsiaan kepada KIB.

Surat-menjurat antara Pelanggan dengan KIB termasuklah e-mel dan faksimile mungkin akan disimpan dalam rekod Akaun Pelanggan. Dokumen ini termasuklah surat-menjurat khidmat pelanggan dan surat-menjurat lain daripada KIB kepada Pelanggan. KIB menyimpan rekod ini dengan tujuan untuk mengikuti hubungannya dengan Pelanggan, untuk menilai dan memperbaiki khidmat pelanggan KIB, dan untuk menyiasat fraud yang disyaki berlaku dan pelanggaran terhadap apa-apa terma dan syarat yang mengawal. KIB boleh menyimpan Data Pelanggan sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan bagi tujuan perniagaan yang sah. KIB boleh, kemudiannya, memadam rekod ini sekiranya Pelanggan tersebut tidak lagi menjadi pelanggan KIB atau apabila dibenarkan oleh undang-undang.

KIB boleh menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan Data Pelanggan bagi tujuan yang berikut:

- Untuk mendedahkan maklumat/data termasuklah, tetapi tidak terhad kepada maklumat urus niaga, maklumat akaun, maklumat peribadi dan kandungan komunikasi kepada: pihak polis; pasukan keselamatan; badan kerajaan yang berwibawa, badan antara kerajaan atau badan supranasional; agensi dan jabatan yang berwibawa, pihak berkuasa perundangan, pihak berkuasa atau organisasi yang mempunyai peraturan kendiri; dan pihak ketiga lain yang dipercayai oleh KIB dengan niat baik sesuai untuk KIB bekerjasama dalam penyiasatan fraud atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang atau aktiviti yang disyaki menyalahi undang-undang, atau untuk menjalankan siasatan terhadap pelanggaran apa-apa terma dan syarat yang mengawal. Sekiranya dikenal pasti bahawa data yang diberikan oleh Pelanggan adalah palsu atau tidak tepat, butiran mengenainya hendaklah diberikan oleh KIB kepada agensi pencegah fraud dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang boleh mengakses dan menggunakan maklumat/data tersebut. KIB dan organisasi lain juga boleh mengakses dan menggunakan data/maklumat (termasuklah data daripada negara lain) untuk mencegah fraud dan pelaburan wang haram;
- Untuk mendedahkan maklumat/data sebagai memenuhi keperluan proses undang-undang sivil atau jenayah yang sah dan/atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan dan/atau untuk tujuan mematuhi peraturan;
- Untuk mendedahkan maklumat/data, termasuklah apa-apa maklumat akaun dan maklumat urus niaga kepada kerajaan Amerika Syarikat (AS), Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat, dan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa lain yang relevan, untuk dan berkaitan dengan pematuhan syarat di bawah Foreign Account Tax Compliance 2010 (FATCA);
- Untuk mendedahkan maklumat/data kepada K&N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies atau mana-mana orang lain untuk membolehkan mereka melaksanakan tindakan/fungsi tertentu bagi tujuan mematuhi apa-apa undang-undang atau peraturan;
- Untuk berkongsi maklumat/data kepada K&N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies bagi tujuan, tetapi tidak termasuk, menyediakan perkhidmatan/produk mereka kepada Pelanggan, sama ada atas permintaan Pelanggan atau selainnya.
- Untuk mendedahkan maklumat/data kepada agen Pelanggan atau wakil undang-undang (seperti pemegang surat kuasa wakil yang diberikan oleh Pelanggan, wasi atau wakil diri atau penjaga yang dilantik untuk Pelanggan);
- Untuk mendedahkan atau berkongsi maklumat/data statistik teragregat kepada/dengan rakan niaga KIB atau untuk perhubungan awam. Sebagai contoh, KIB boleh mendedahkan bahawa peratusan tertentu pengguna KIB tinggal di Johor. Walau bagaimanapun, data teragregat ini tidak dikaitkan dengan pengenal diri.
- Untuk berkongsi maklumat tersebut dengan rakan niaga diamanahkan (tertakluk pada obligasi kerahsiaan) bagi peruntukan perkhidmatan mereka. Rakan niaga kami boleh menggunakan Data Pelanggan untuk membantu kami berkomunikasi dengan Pelanggan mengenai tawaran oleh mereka atau KIB. Walau bagaimanapun, rakan niaga KIB tidak mempunyai kebebasan hak untuk berkongsi maklumat ini;
- Sebagaimana mana-mana perniagaan lain, pada masa hadapan, KIB berkemungkinan akan bergabung dengan, atau diperoleh oleh, syarikat lain. Jika perolehan sedemikian berlaku, Pelanggan membenarkan syarikat pengganti mengakses data yang disenggarakan oleh KIB, termasuklah maklumat akaun, dan syarikat pengganti itu akan terus terikat oleh Polisi Privasi melainkan dan sehinggalah polisi ini dipinda;
- Untuk agensi rujukan kredit dan pencegahan fraud dan organisasi lain yang akan merekodkan, menggunakan dan memberikan maklumat kepada peminjam lain dan penginsurans. Maklumat/data tersebut boleh digunakan untuk tujuan membuat penilaian dan/atau untuk tujuan rujukan silang, kredit dan pengesanan hutang dan untuk mencegah fraud dan pelaburan wang haram;
- Kepada orang yang menyediakan perkhidmatan kepada KIB atau bertindak sebagai ejen KIB atas persetujuan bahawa mereka hendaklah memastikan kerahsiaan maklumat/data dan mengambil langkah bagi memastikan jaminan teknikal dan organisasi maklumat/data;
- Kepada mana-mana orang yang kepadanya KIB akan memindahkan atau mungkin memindahkan hak dan tanggungjawab KIB di bawah terma dan syarat yang mengawal antara KIB dengan Pelanggan;
- Untuk menguruskan Akaun(-akaun) Pelanggan, menyediakan perkhidmatan KIB dan khidmat sokongan pelanggan, memenuhi permintaan(-permintaan) Pelanggan, menyelesaikan pertikaian, mengutip bayaran, dan menyelesaikan masalah.
- Untuk berkongsi maklumat untuk tujuan menyiasat, mencegah atau mengambil tindakan terhadap aktiviti yang dilarang atau menyalahi undang-undang, aktiviti yang disyaki fraud, situasi yang melibatkan perkara yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan fizikal mana-mana orang, pelanggaran terma KIB berkaitan dengan penggunaan, atau selainnya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang;

- Untuk menilai, menambah baik menyediakan mengikut kehendak pelanggan, perkhidmatan KIB dan kandungan laman sesawang KIB atau perkhidmatan elektronik;
- Untuk membandingkan maklumat/data untuk memastikan ketepatan, dan menentusahkannya dengan pihak ketiga;
- Untuk tujuan penyelidikan, mereka bentuk dan menambah baik produk dan perkhidmatan, serta operasi dan proses perniagaan K&N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies;
- KIB boleh juga menggunakan Polisi Privasi untuk memasarkan produk dan perkhidmatan K&N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies dan melaksanakan pemasaran dan periklanan yang disasarkan, mengemas kini perkhidmatan, tawaran promosi atau untuk memaklumkan kepada Pelanggan melalui surat, telefon, teks pesanan (atau seumpamanya), televisyen digital, e-mel dan kaedah elektronik lain, mengenai produk dan perkhidmatan (termasuklah yang lain-lainnya) yang mungkin disukai Pelanggan. Pelanggan boleh memberitahu KIB pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan enggan menerima komunikasi pemasaran daripada KIB dan/atau anggota K&N Kenanga Holdings Berhad Group of Companies dengan menulis surat kepada KIB dan memberikan nama penuh Pelanggan, nombor Kad Pengenalan/Pasport (jika berkaitan) dan butiran akaun dan butiran apa-apa produk atau perkhidmatan yang Pelanggan mungkin ada dengan KIB;
- Memindahkan Data Pelanggan kepada bidang kuasa asing bagi membolehkan apa-apa urus niaga silang sempadan, untuk melaksanakan kontrak, untuk tujuan prosiding undang-undang, apabila mendapat permohonan secara bertulis daripada badan kawal atur asing atau pihak berkuasa kerajaan, untuk melindungi kepentingan Pelanggan atau apabila dikehendaki oleh kepentingan awam untuk berbuat demikian;
- Menentusahkan pengenalan Pelanggan dan pengenalan pengarah/rakan niaga lain; dan/atau
- Menjalankan analisis berkala atau membuat ujian bagi memastikan ketepatan produk dan perkhidmatan yang ada sekarang dan yang akan datang.

Mana-mana atau semua proses yang dinyatakan di atas boleh diautomasi. Sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, KIB hendaklah memberikan notis bertulis secepat yang boleh dilaksanakan sebelum KIB menggunakan Data Pelanggan untuk tujuan selain maksud yang dinyatakan di dalam ini.

#### **Mengakses Maklumat**

Pelanggan berhak untuk menyemak semula rekod peribadi tertentu atau maklumat/data yang telah dikumpulkan oleh KIB mengenai Pelanggan dan meminta data itu untuk dibetulkan. Sekiranya Pelanggan berhasrat untuk melaksanakan hak ini, silalah menulis surat kepada Pegawai Data KIB dengan menyatakan butiran seperti yang diminta oleh Pelanggan dan semua nombor Akaun KIB (sekiranya berkaitan), nama dan nombor Kad Pengenalan/Pasport. Bayaran mungkin dikenakan untuk perkhidmatan ini. KIB akan membetulkan atau mengemas kini maklumat/data tersebut secepat mungkin. Pegawai data boleh meminta maklumat atau dokumen daripada Pelanggan untuk pengesahan orang yang membuat permohonan dan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pembetulan/pengemaskinian yang diminta untuk dibuat itu.

#### **Opsyen terhadap Pendedahan**

KIB membenarkan Pelanggan untuk mengeluarkan sendiri apa-apa maklumat Pelanggan (kecuali maklumat yang perlu disimpan oleh KIB bagi mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan) daripada pangkalan data KIB atau meminta KIB untuk menghentikan daripada memproses semua atau sebahagian daripada Data Pelanggan dengan menyerahkan pemberitahuan bertulis yang dialamatkan kepada Pegawai Data KIB. KIB akan mengambil jumlah masa yang munasabah untuk memproses notis tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keadaan seperti ini, KIB berhak untuk menutup Akaun(-akaun) Pelanggan sekiranya KIB berpandangan dengan berbuat demikian, tidak membolehkan KIB membekalkan produk dan perkhidmatannya dengan memuaskan. Apabila Pelanggan gagal atau enggan atau disifatkan sebagai gagal atau enggan memberikan apa-apa data, maklumat atau jawapan seperti yang dikehendaki oleh KIB, maka Pelanggan tetap dianggap sebagai memperakui (dan KIB akan dianggap dan secara materialnya bersandar pada perakuan Pelanggan) bahawa KIB tidak boleh dikaitkan dengan apa-apa kepastian mengenai Data Pelanggan atau maklumat dan Pelanggan bersetuju bahawa KIB berhak menolak untuk memberikan atau berhenti memberikan apa-apa kemudahan, produk atau Perkhidmatan KIB kepada Pelanggan.

#### **E-Perkhidmatan**

Pelanggan menyedari bahawa penggunaan E-Perkhidmatan KIB akan melibatkan penghantaran elektronik maklumat yang mungkin melibatkan maklumat kewangan peribadi, termasuk tetapi tidak terhad pada pengenalan pelanggan dan butiran peribadi, bilangan syer yang diperdagangkan dan harga bersih syer tersebut. Pelanggan dengan ini membenarkan penghantaran maklumat tersebut secara elektronik melalui E-Perkhidmatan KIB, dengan kebenaran tersebut hendaklah berkuat kuasa sepanjang tempoh Pelanggan mengakses dan/atau menggunakan E-Perkhidmatan.

#### **Pautan Laman Sesawang dan Peringatan**

Sesetengah laman dalam laman sesawang KIB memasukkan pautan dengan laman sesawang pihak ketiga. Laman ini dikawal oleh pernyataan privasi masing-masing dan KIB tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi mereka, operasi dan kandungan pautan tersebut. Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak pernyataan privasi tapak web tersebut sebelum memberikan apa-apa maklumat. Ingatlah bahawa komunikasi Internet tidak dijamin keselamatannya. KIB tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab bagi akses yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga dan/atau kerosakan maklumat/data yang dihantar oleh mana-mana individu kepada KIB melalui komunikasi Internet atau mel elektronik.

**Kuki** – Kuki ialah fail data yang boleh dimuatkan pada pemacu keras apabila melawat laman web KIB. KIB boleh menggunakan kuki bagi membolehkan Pelanggan mengakses perkhidmatan KIB dengan lebih baik dan membantu KIB memahami dan menambah baik Perkhidmatan KIB. Pelanggan boleh menetapkan pelayar Pelanggan untuk memberi amaran kepada Pelanggan sebelum menerima kuki. Walaupun sesetengah Perkhidmatan KIB memerlukan penggunaan kuki, Pelanggan pada bila-bila masa boleh melumpuhkan kuki atas pilihan Pelanggan. Walau bagaimanapun, sesetengah Perkhidmatan KIB tidak akan berfungsi sekiranya kuki dilumpuhkan.

## **Pertanyaan dan Aduan**

Apa-apa pertanyaan, permintaan, kebimbangan atau aduan berkaitan dengan penggunaan Data Pelanggan, pembuangan apa-apa senarai mel atau apa-apa perkara di dalam ini boleh diajukan kepada orang hubungan yang berikut:

Pegawai Data  
Kenanga Investors Berhad,  
Aras 12, Kenanga International.  
Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.

## **Perubahan Polisi Privasi KIB**

KIB berhak untuk mengubah kandungan Polisi ini pada bila-bila masa melalui pemberitahuan yang disiarkan pada laman sesawang KIB. Pelanggan dinasihatkan untuk melihat laman sesawang KIB dari semasa ke semasa bagi apa-apa kemas kini atau versi terbaru Polisi Privasi KIB. Penggunaan Perkhidmatan KIB secara berterusan oleh Pelanggan hendaklah disifatkan sebagai penerimaan terhadap apa-apa kemas kini, semakan atau pindaan yang dilakukan pada Polisi Privasi KIB.

-----Halaman selebihnya adalah halaman kosong-----